

Tajuk: Melibatkan Diri dengan Acara Kenegaraan

Soalan 1. Mengisi tempat kosong

Berwarna-warni	keberangkatan	mengibarkan	perayaan	ikrar
kesyukuran	tegak	berukuran	kebangsaan	jabatan

Pada 23 Februari, rakyat dan penduduk dikehendaki _____ bendera Negara Brunei Darussalam. Tarikh ini diambil sempena memperingati tarikh keputeraan Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Acara sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan dimulai dengan sembahyang fardhu Maghrib berjemaah, membaca Surah Yasin dan doa _____. Sempena sambutan Hari Kebangsaan itu, berbagai-bagai _____ telah di adakan. Di jalan-jalan raya didirikan pintu-pintu gerbang, dipasang lampu-lampu _____ dan logo Hari Kebangsaan. Semua bangunan di sekitar Bandar Seri Begawan dihias dengan begitu indah sekali.

Sekumpulan murid-murid mengambil bahagian dalam memukul hadrah. Mereka memukul hadrah bagi mengalu-alukan _____ Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah. Seterusnya, Hormat Diraja dan diikuti dengan lagu kebangsaan Neraga Brunei Darussalam, kami berdiri _____ sebaik sahaja lagu _____ dinyanyikan.

Upacara perbarisan lalu di hadapan pentas Diraja didahului oleh pembawa bendera Negara Brunei _____ besar diikuti oleh pasukan pembawa bendera logo hari kebangsaan, pembaca _____, pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei, pasukan berpakaian seragam, kementerian-kementerian dan jabatan-_____ kerajaan, daerah-daerah, sektor swasta, institut pengajian tinggi, maktab-maktab, sekolah-sekolah, persatuan-persatuan dan pertubuhan awam.

Sebaik saja perbarisan lalu selesai, Lafaz ikrar Hari Kebangsaan pun dibacakan.

Soalan 2. Memadankan Nilai-nilai murni dengan maksudnya

Petak A (Nilai-nilai Murni)	JAWAPAN	Petak B (Maksud)	
1) Adil		A	Persetujuan, permuafakatan
2) Prihatin		B	Bekerjasama membuat pekerjaan.
3) Tidak camah mata		C	Mempunyai kekuasaan yang tinggi.
4) Persefahaman		D	Janji yang bersungguh-sungguh.
5) Taat		E	Tidak pilih kasih atau berat sebelah.
6) Gotong-royong		F	Tidak bergantung kepada orang lain.
7) Berdaulat		G	Mengambil berat atau prihatin.
8) Empati		H	Mengikut perintah.
9) Ikrar		I	Tidak membiarkan begitu sahaja.
10) Berdikari		J	Memahami perasaan orang lain.